

TEMA 2 : TUMBUHAN HERBA

UNIT 5: KHASIAT HERBA

LATIHAN 1

UNIT 5 KHASIAT HERBA

Mendengar dan Bertutur

Teliti gambar kemudian berikan pendapat anda.

Keistimewaan Daun Sirih



Sirih atau nama saintifiknya *Piper betel* Linn ialah tumbuhan herba tempatan yang mengandungi khasiat yang banyak. Tahukah anda keistimewaan daun sirih? Daun sirih berfungsi untuk menahan pendarahan, menyembuhkan luka, menguatkan gigi dan membersihkan kerongkong. Daun sirih boleh dimakan dengan gambir untuk mengatasi cirit-birit. Daun sirih juga berkesan untuk meredakan sakit gigi dan melegakan demam panas.



Daun sirih digubah menjadi hantaran.



Daun sirih dimakan dengan gambir, pinang dan kapur sirih.

(Diubah suai daripada www.pnm.gov.my/sirihpinang/sp-sirih.htm)

1. Apakah nama saintifik sirih?

2. Apakah 4 keistimewaan daun sireh?

3. Daun sireh boleh dimakan dengan apa?

LATIHAN 2

Baca petikan kemudian terangkan frasa nama dan frasa kerja yang berhuruf tebal.

Kenali Limau Purut



Pokok limau purut tumbuh subur di Malaysia, Sri Lanka dan Myanmar. **Limau purut** mempunyai rasa yang masam dan pahit.

Limau purut sama seperti **limau nipis** tetapi kulit buah limau purut lebih menggerutu dan isinya kurang berair. Daun limau purut banyak kegunaannya. Bagi suri rumah, daun limau purut menjadi pilihan sebagai ramuan atau perisa untuk **memasak tomyam**, asam pedas, kerabu, laksa dan lain-lain lagi.

Mengikut kepercayaan orang dahulu, buah limau purut mempunyai aura yang tersendiri untuk **membersihkan badan**. Limau purut juga digunakan sebagai **ramuan ubatan** dan penjagaan kesihatan.

(Diubah suai daripada www.amdi.usm.my/index.php/limau-purut-plantdatabase)

1. Apakah rasa limau purut?

2. Di manakah pokok limau purut tumbuh?

3. Apakah kegunaan buah limau purut?

LATIHAN 3



Membaca

Baca petikan kemudian jelaskan isi di bawah.

Serai



Serai sejenis tanaman rumput yang beraroma dan mempunyai rimbunan daun yang lebat. Serai merupakan tumbuhan herba malar hijau. Nama botani serai ialah *Cymbopogon citratus*. Serai juga dikenali sebagai *Lemon grass*. Serai dipercayai berasal dari Sri Lanka dan telah tersebar luas di kawasan tropika, termasuk Malaysia, Indonesia, Thailand dan China.

Serai mudah ditanam di semua jenis tanah kecuali kawasan berair atau berpayau. Serai sering dijual di pasar tani atau di pasar basah. Harga serai sangat berpatutan dan mampu dibeli oleh sesiapa yang memerlukan. Di Malaysia, serai banyak ditanam sebagai tanaman dapur.

Serai amat penting dalam kehidupan manusia. Serai selalu digunakan dalam masakan. Serai menjadi perisa utama dalam masakan rendang, tomyam, ikan kukus, sate dan sebagainya. Serai bukan sahaja menjadi bahan penambah perisa dalam masakan, tetapi juga digunakan sebagai herba dan bahan ubat-ubatan.

Pernahkah anda mendengar peribahasa seikat bagai sirih, serumpun bagai serai? Peribahasa ini bermaksud kita haruslah hidup bermuafakat, seia sekata dan bekerjasama dalam keluarga dan masyarakat.

(Diubah suai daripada animhosnan.blogspot.my/2010/06/teknologi-serai/html)

1. Apakah nama saintifik serai?

2. Di manakah serai boleh didapati?